



“MENGINGATI MATI : PERSIAPAN HARI TERAKHIR”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا
تُوَفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنْ
النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعٌ
الْغُرُورِ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan hidup kita berbahagia di dunia dan mendapat rahmat di akhirat.

Khutbah pada hari ini mengingatkan kita betapa pentingnya **"Mengingati Mati : Persiapan Hari Terakhir"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Secara mudah, mati dapat difahami sebagai terpisahnya roh daripada jasad atau nyawa daripada badan. Sesungguhnya setiap yang hidup akan merasai mati, tidak kira muda atau tua, kanak-kanak atau dewasa, sakit ataupun sihat. Ia adalah ketentuan Allah yang manusia tidak dapat lari daripadanya. Samada suka atau tidak, bersedia atau belum, tidak kira dimana mereka berada.

Firman Allah SWT. Dalam surah an-Nisa' ayat 78 :

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ

مُشِيدَةً...

" Di mana jua kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada didalam bintang-bintang yang tinggi lagi kukuh".

Hidup lawannya mati. Mati tidak bererti kehidupan seseorang telah berakhir serta tidak mempunyai apa-apa tanggungan lagi. Ini kerana hidup dan mati adalah ujian Allah bagi menentukan siapakan yang terbaik amalannya.



Firman Allah SWT dalam surah al-Mulk ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ
عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

" Dialah yang menciptakan adanya mati dan hidup untuk menguji kamu, siapakah antara kamu yang lebih baik amalannya. Dia maha perkasa (dalam melakukan pembalasan terhadap orang derhaka) lagi maha pengampun (bagi orang yang bertaubat).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Melalui beberapa penjelasan daripada al-Quran dan al-Hadis, Allah SWT. telah menentukan ajal seseorang. Apabila sampai ketikanya ia tidak akan dipercepatkan atau dilewatkan walaupun sesaat. Malaikat Izrail yang ditugaskan mencabut nyawa seseorang tidak akan mengambil kira tempat, keadaan dan kedudukan seseorang itu. Apabila ajal sampai, tidak ada apa-apa lagi untuknya di dunia, tanah untuk ia berpijak, sesuap nasi untuk dimakan, setitis air untuk diminum dan sesedut udara untuk bernafas. Akan kembalilah rohnya kepada Allah, kembalilah badannya ke tanah. Kecuali amalan baik atau buruk yang akan kembali kepada dirinya sebagai bekalan.

Ketika menghadapi kematian, orang yang tidak beriman merasa gerun serta penuh penyesalan, kerana diperlihatkan amalan buruknya. Bagaimanapun orang yang beriman, ketika diperlihatkan amalan baiknya akan merasa gembira. Sedang ahli keluarganya yang berada disekelilingnya merasa cemas sambil berusaha untuk menyelamatkannya.



Firman Allah SWT. dalam surah al-Qiyaamah ayat 26-29:

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ﴿٢٧﴾ وَظَنَّ
أَنَّهُ الْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَالتَّتَفُّؤُا بِالسَّاقِ ﴿٢٩﴾

"Sedarlah (jangan mengutamakan dunia dan melupakan akhirat. Ingatlah akan hal orang yang hendak mati) apabila rohnya sampai kepangkal kerongkong dan orang yang hadir disisinya heboh) berkata: "Siapakah yang dapat menawar jampi (dan mengubatnya)?. Dan dia sendiri yakin, bahawa sesungguhnya saat itu ialah saat perpisahan. Betis akan bertaut satu sama lain (lantaran kesakitan menghadapi mati). (Maka) kepada tuhanmulah pada waktu itu, engkau dibawa (untuk menerima balasan)".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kematian bererti berakhirnya hidup di alam dunia dan permulaan bagi kehidupan di alam akhirat. Di akhirat perkiraannya sangat berbeza berbanding dengan kehidupan di dunia. Segala-galanya berdasarkan keimanan dan ketaatannya kepada Allah, ketika hidup di dunia. Dengan tidak mengira bagaimana matinya, cara biasa, terbakar, lemas, atau terbunuh, ia tetap akan melalui alam barzah atau alam kubur. Tidak ada ketetapan tertentu tempoh masa ia berada di alam kubur ini.

Di alam kubur manusia akan berhadapan dengan soalan mungkar dan nakir. Bagi mereka yang melepasi soalan kubur, akan diberikan nikmat berupa permaidani dan pakaian daripada syurga. Kuburnya akan meluas, sejauh mata memandang. Bagi mereka tidak dapat melepasi soalan kubur akan disediakan



tempat pembaringan dari neraka, kuburnya menyempit mengasak badan sehingga patah remuk tulang-tulangnya.

Kemudian, apabila sampai saatnya berlaku kiamat, manusia akan dibangkitkan dan dihimpunkan dipadang mahsyar. Bayangkanlah betapa sesaknya, kerana semua manusia sejak zaman Nabi Adam AS. hingga hari kiamat akan dihimpunkan dipadang mahsyar. Walau bagaimanapun bagi golongan yang beriman akan berada dalam kenikmatan, sementara yang ingkar dalam keadaan azab. Setiap orang akan melalui titian (Sirat al-Mustaqim), dihisab dan ditimbang amalannya. Semuanya bagi menunjukkan bahawa Allah SWT. maha adil dan manusia akan diberi pembalasan dengan seadil-adilnya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bermuhasabah diri untuk memastikan kerja kuat kita, siang dan malam bukan hanya bagi memenuhi keperluan dan kesenangan hidup di dunia yang sementara, tetapi dapat menjadi bekalan kehidupan yang abadi di akhirat. Untuk dijadikan sebagai bekalan akhirat, tidak terbatas kepada perkara-perkara yang berkaitan ibadah khusus sahaja. Segala pekerjaan yang zahirnya bersifat keduniaan seperti untuk menyara kehidupan dan mencari kekayaan, ia tetap boleh menjadi bekalan akhirat sekiranya ia dilakukan dengan niat yang betul serta menepati prinsip syarak. Yakinlah, dengan menerapkan nilai agama dalam pekerjaan serta istiqamah dalam ibadah, Allah SWT. akan menjaga kehidupan kita, hati kita menjadi tenang dan segala urusan akan dipermudahkan disamping beroleh keberkatan rezeki yang datang dari sumber-sumber yang tidak diduga.

Ingatlah, akhirat adalah tempat meraih untung rugi yang hakiki, hasil daripada usaha dalam kehidupan kita semasa di dunia. Akhirat bukan lagi tempat untuk bekerja dan beramal. Justeru, gunakanlah masa sekarang, masa muda, masa sihat, masa lapang, sebagai waktu untuk mencari dan mengumpul bekalan



yang menguntungkan. Allah SWT. menggesa umat manusia bekerj adan beramal untuk faedah mereka sendiri. Allah SWT. tidak rugi, jika manusia enggan taat, kerana Allah sedia bersifat maha sempurna dan maha kaya. Allah SWT. tidak bertambah mulia, dengan ketaatan manusia, kerana Allah sedia bersifat maha agung dan maha mulia. Jangan sampai timbul kekesalan, dengan memohon untuk kembali ke dunia kerana hendak beramal. Sesuatu perkara sia-sia yang tidak mungkin boleh berlaku. Ia juga suatu keyakinan yang tidak membawa apa-apa erti lagi.

Firman Allah dalam surah as-Sajadah ayat 12:

رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا

مُوقِنُونَ ﴿١٢﴾

"Wahai tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelass-jelasnya, maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik, sesungguhnya sekarang kami telah yakin".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Bukankah kita sentiasa diperingatkan setiap kali mendengar khutbah Jumaat agar bertaqwa, bagi tujuan membuat persiapan serta menyediakan bekalan untuk kehidupan di akhirat. Iaitu dengan menunaikan amanah Allah serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifahnyaa. Kerana taqwa merupakan sebaik-baik bekalan bagi kehidupan di akhirat.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah ayat 197:



...وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ

يَأُولَى الْأَلْبَابِ

"Dan berbekallah secukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah takwa, dan bertakwalah kepadaku wahai orang yang berakal".

Merujuk kepada isyarat Rasulullah SAW. ketika menyatakan takwa, baginda meletakkan tangannya kedada, arah letaknya hati (kalbu) yang fungsinya untuk mengenal dan mengingati Allah. Dengan selalu mengingati Allah, akan terjadilah sifat ihsan yang membentuk watak hamba yang taat kepada perintah Allah dan rasulnya.

Justeru hindarilah daripada meletakkan harta dunia dihati, kerana boleh menggalakkan pandangan terhadap kehidupan akhirat. Letakkan harta dunia ditangan. Dengan dorongan hati yang mengenali dan mengingati Allah, dengan tangan harta diperolehi, dengan tangan juga harta diinfakkan. Sentiasalah sedar bahawa harta dunia adalah amanah kurniaan Allah. Dunia adalah alat, bukan matlamat.

Antara pengajaran dan penghayatan daripada khutbah hari ini adalah:

1. Kita hendaklah sentiasa beringat bahawa saat kematian pasti akan tiba dan tiada sesiapa yang mampu menghalangnya.
2. Banyakkanlah berdoa agar kita mati dalam keadaan Husnul Khatimah iaitu beriman kepada Allah SWT.
3. Bersedialah menghadapi kematian dengan beramal soleh bagi kehidupan di akhirat yang kekal abadi.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ثُمَّ إِلَىٰ
رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ﴿١٥﴾

“ Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya adalah untuk dirinya sendiri. Sesiapa yang mengerjakan kejahatan, maka risikonya akan menimpa dirinya sendiri, kemudian kamu akan dikembalikan kepada tuhan kamu”.

(al-Jaasiyah : 15).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ،
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ



وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ
الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ
صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ
أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ



شَاهِ الْحَاجَّ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ
وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
21.07.2014